



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

## Tajuk: Setiap Orang Ialah Pemimpin

**Nilai Teras:** Bertanggungjawab

**Masa:** 1 jam

**SK:** 2.10 Merumuskan kefahaman hadis serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah

**SP:** 2.10.3 Menyatakan tanggungjawab pemimpin, suami, isteri, pekerja dan anak  
2.10.4 Merumuskan pengajaran hadis

### Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menyatakan tanggungjawab pemimpin
2. Menerangkan contoh tanggungjawab pekerja
3. Menghuraikan akibat terhadap anak-anak yang menderhaka kepada kedua ibu bapa

### Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Guru menerangkan kepada murid tentang tanggungjawab seorang pemimpin.
2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
3. Guru memberikan topik berkaitan ciri-ciri pemimpin yang baik dan berintegriti.
4. Murid berbincang dalam kumpulan tentang topik yang diberikan.
5. Hasil dapatan dibentangkan dalam bentuk lakonan di hadapan kelas.
6. Guru menilai hasil lakonan murid.

### Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Guru menerangkan kepada murid tentang anak yang soleh dan solehah.
2. Guru akan mencantumkan dua helai kertas sebak.
3. Guru menulis soalan berikut di tengah-tengah kertas sebak:

Kesan menjadi anak yang derhaka kepada ibu bapa

4. Letakkan kertas sebak di atas meja.
5. Murid menulis jawapan mereka di atas kertas sebak itu secara bergilir-gilir.
6. Guru menampal kertas sebak tersebut di papan putih setelah semua murid selesai menulis jawapan mereka.
7. Guru berbincang dengan murid tentang jawapan yang mereka berikan.

**Refleksi:** (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai sesi pengajaran dan pembelajaran)